

GARISPANDU

INSURANS PERUBATAN

JABATAN BURUH, KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI



INSURANS PERUBATAN

BAHAGIAN 1: PENGENALAN

Insurans perubatan adalah salah satu kaedah bagi membuat pembayaran tuntutan bil rawatan bagi pekerja yang menerima rawatan disebabkan kemalangan dan kecederaan semasa menjalankan tugas dibawah kontrak perkhidmatan di antara majikan dan pekerja. Ia juga merupakan satu hak (perlindungan sosial) pekerja yang perlu ditunaikan oleh *setiap* majikan.

Insurans perubatan telah dilaksanakan secara undang-undang dengan membuat pindaan dibawah Bab 113A, Perintah Pekerjaan (Pindaan) (Bil.2), 2015 (Sila rujuk lampiran A bagi teks undang-undang.)


Perintah ini telah diwartakan pada 21 Disember 2015.

Antara objektif perlaksanaan insurans perubatan adalah seperti berikut:-

1. Sebagai perlindungan sosial kepada pekerja-pekerja di Negara Brunei Darussalam dengan menjaga hal ehwal kesihatan dan kebajikan pekerja.
2. Membantu para majikan melunaskan kos rawatan perubatan pekerja asing

Dengan adanya pindaan undang-undang bagi perkara ini, dapat membantu mengurangkan beban tanggakan kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi kos rawatan perubatan pekerja-pekerja asing di negara ini.

BAHAGIAN 2: CARTA ALIRAN BAGI MENDAPATKAN INSURAN PERUBATAN PEKERJA ASING BAGI PEKERJA ASING



BAHAGIAN 3: SOALAN-SOALAN LAZIM MENGENAI INSURANS PERUBATAN

1. Siapakah yang perlu dilindungi dengan Insuran Perubatan ini?

Kesemua pekerja asing termasuk yang berkhidmat untuk syarikat dan di rumah persendirian (Pembantu rumah).

2. Adakah saya perlu membeli Insuran Perubatan ?

Ya. Mengikut Bab 113A, Perintah Pekerjaan 2016, setiap majikan adalah dimestikan untuk memberikan Insuran Perubatan bagi setiap pekerja asing. Kegagalan untuk menyediakan Insuran Perubatan adalah menyalahi Bab 113A(2)(4).

3. Berapakah kadar minima manfaat perlindungan Insuran Perubatan perlu dibeli?

Perlindungan sebanyak \$10,000 bagi seorang pekerja asing dalam tempoh setahun. Ini akan membolehkan perlindungan perubatan yang mencukupi bagi membiayai kos perubatan.

4. Apakah yang perlu terkandung dalam Insuran Perubatan?

Antara lainnya, Insuran Perubatan hendaklah memberikan perlindungan dari segi:

- a. Manfaat Bilik dan Katil (wad) termasuk rawatan biasa dan unit rawatan rapi;
- b. Kos Hospital Keperibagaian (Termasuk ubat-ubatan);
- c. Manfaat Pembedahan dan Pembedahan Harian;
- d. Khidmat Rawatan disebabkan Kemalangan dan Kecemasan termasuk Pergigian;
- e. Bayaran Perkhidmatan Diagnosa (Termasuk Ujian Makmal dan X-Ray);

5. Bilakah Insuran Perubatan itu mesti diambil?

Insurans Perubatan hendaklah diperolehi sebelum penandatanganan kontrak perkhidmatan pekerja beserta insuran pampasan pekerja.

6. Untuk berapa lamakah sahnya Insuran Perubatan?

Sepanjang tempoh sah laku pas kerja yang dibenarkan. Sekiranya tempoh sah laku pas kerja telah dibaharui, Insuran Perubatan hendaklah juga dibaharui.

Dimanakah saya boleh mendapatkan Insuran Perubatan?

Para majikan boleh mendapatkan Insuran Perubatan dimana-mana syarikat insurans yang telah diiktiraf oleh Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD) seperti berikut:

1. National Insurance Company Bhd
2. MBA Insurance (B) Sdn Bhd
3. Standard Insurance Sdn Bhd
4. Audley Insurance Company Sdn Bhd
5. Insurans Islam TAIB General Takaful Sdn Bhd
6. Insurance Islam Taib Family Takaful Sdn Bhd
7. Syarikat Takaful Brunei Darussalam (STBD) (*not listed by AMBD's previous list*)
8. Syarikat Takaful Brunei Am Sdn Bhd
9. Syarikat Takaful Keluarga Sdn Bhd
10. American International Addurance Co. Ltd (AIA)
11. The Great Eastern Life Assurance Co. Ltd.
12. Tokio Marine Life Insurance Singapore Ltd

13. Tokio Marine Insurance Singapore Ltd.
14. Etiqa Insurance Berhad

7. Saya sudah mempunyai Insurans Pampasan. Adakah Insuran Perubatan masih diperlukan?

Ya, kerana Insurans Pampasan hanya memberikan perlindungan khusus bagi kematian, kecederaan dan kemalangan semasa bekerja sahaja manakala Insuran Perubatan memberikan perlindungan yang lebih komprehensif.

8. Bolehkah Insurans Pampasan dan Insuran Perubatan bagi pekerja saya disatukan?

Ya, boleh dengan syarat kadar minima manfaat perlindungan Insuran Perubatan hendaklah berjumlah \$10,000 setahun bagi sepanjang tempoh sah laku pas kerja yang dibenarkan bagi setiap pekerja warga asing. Sekiranya tempoh sah laku pas kerja telah dibaharui, Insuran Perubatan hendaklah juga dibaharui.

9. Dapatkah saya mendapatkan insurans secara kumpulan?

Ya, boleh dengan syarat setiap seorang pekerja hendaklah dilindungi dengan kadar minima manfaat perlindungan Insuran Perubatan iaitu berjumlah \$10,000 setahun bagi sepanjang tempoh sah laku pas kerja yang dibenarkan.

10. Apakah tindakan yang diambil sekiranya pekerja asing sendiri yang dijamin dimestikan oleh majikannya membayar Insurans Perubatan atau gaji pekerja asing dipotong untuk membayar Insurans Perubatan?

Adalah satu kesalahan dibawah Bab 113A (2)(3) dan jika disabit kesalahan, akan dikenakan denda sebanyak \$2,000, penjara tidak melebihi 6 bulan atau kedua-duanya sekali.

11. Adakah salah dari segi undang-undang jika saya tidak melindungi pekerja asing dibawah jaminan saya?

Ya. Tindakan undang-undang akan diambil kepada mana-mana majikan yang gagal membayar insuran perubatan dibawah Bab113A iaitu denda tidak melebihi dari \$3,000, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi dari satu tahun atau kedua-duanya sekali.